

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]
TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan:-

- (a) Apakah strategi Kementerian untuk menggalakkan petani di luar bandar bergiat dan beralih ke pertanian moden; dan
- (b) Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan hasil pertanian secara moden di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited dalam memodenkan pertanian khususnya bagi pertanian pintar yang telah dikenal pasti dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara. Komitmen ini telah dizahirkan dalam strategi jangka panjang MAFI iaitu Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Inisiatif pemodenan bagi sektor agromakanan ini akan melibatkan pengusaha dan petani di luar bandar selaku kumpulan sasar disebabkan kawasan-kawasan pertanian berskala besar kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar.

Antara usaha MAFI untuk menggalakkan peralihan ke pertanian moden adalah dengan inisiatif penaiktarafan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). TKPM merupakan kawasan penanaman dan pengeluaran tanaman makanan secara kekal yang terletak di seluruh Malaysia, terutamanya di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, bagi menggalakkan penggunaan teknologi moden, Jabatan Pertanian telah diluluskan peruntukan sebanyak RM232 juta di bawah RMKe-12 yang melibatkan tujuh projek bagi menaiktaraf kepada sistem pengairan pintar menggunakan *Internet of Things* (IoT), perolehan jentera, mesin dan aplikasi pertanian pintar. Penaiktarafan ini akan membantu pengusaha TKPM yang terdiri daripada golongan petani beralih kepada pertanian pintar.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha menggalakkan peladang dan usahawan peladang di luar bandar bergiat aktif dan beralih ke arah pertanian moden. Antaranya Projek Ladang E-Satelit dengan peruntukan RM10 juta berbentuk geran padanan dengan nisbah 70 peratus oleh Kerajaan dan 30 peratus oleh peserta dengan had maksimum RM30,000 bagi menggalakkan petani menggunakan teknologi terkini seperti sistem pertanian pintar dan dron.

SOALAN NO : 11

Pendigitalan pemasaran merupakan antara aspek pemodenan yang boleh dilaksanakan oleh petani luar bandar. MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut mensasarkan peralihan petani luar bandar daripada jualan hanya secara *offline* kepada kaedah jualan atas talian secara digital. Pada masa ini, MAFI mempunyai platform *Agrobazaar Online* (ABO) bagi memberi pendedahan kepada petani mengenai konsep e-dagang. Sehingga 31 Oktober 2021, seramai 6,107 usahawan telah berdaftar di platform ABO dengan transaksi jualan berjumlah RM9.1 juta. Penyertaan petani/usahawan luar bandar di platform ini akan disertakan dengan latihan melalui modul *Digital Zone Apprentice* (DZA).

Seterusnya, berkenaan perancangan untuk menyediakan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan hasil pertanian moden di Sarawak, Pusat Operasi Samarahan di bawah FAMA telah dinaiktaraf dan sedang dalam proses mendapatkan persijilan *Good Manufacturing Practice* (GMP). Pusat ini mempunyai fasiliti untuk mengumpul hasil pertanian sebanyak 20 tan metrik pada satu-satu masa.

Kerajaan Negeri Sarawak juga mempunyai perancangan untuk menubuhkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan hasil pertanian secara moden di Limbang, Lawas, Layar, Lundu, Lachau, Sebangon, Kapit, Long Lama dan juga di kawasan-kawasan lain yang strategik dan berpotensi di seluruh Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak juga merancang untuk membangunkan *Agro Food Terminal* di Semenggok, Kuching, Bebuling, Spaoh dan Sg. Baji, Sarikei.

Operasi Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan dan *Agro Food Terminal* ini akan dijalankan oleh agensi pelaksana kerajaan negeri seperti Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan juga syarikat-syarikat swasta yang mempunyai pasaran domestik dan pasaran eksport. Inisiatif ini membolehkan para petani di luar bandar untuk menjual hasil pertanian seperti buah-buahan dan sayur-sayuran secara terus kepada pusat tersebut dan mendapatkan harga pasaran yang lebih baik bagi meningkatkan pendapatan serta mengelakkan lambakan hasil pertanian.

Sekian, terima kasih.